

## **BAB KEEMPAT**

### **ANALISIS HUKUM PENGGUNAAN *BONE CHINA***

#### **4.1 Pengenalan**

Bab keempat membahasakan dua isu utama dalam penyelidikan ini. Isu pertama membahasakan tentang kandungan asas *bone china* yang berasaskan campuran tulang haiwan haram (babi), manakala isu kedua perbincangan tentang kandungan *bone china* yang berasaskan campuran tulang haiwan halal (lembu) yang diragui status sembelihannya. Penulis akan memfokuskan beberapa isu utama. Antaranya ialah proses pengkalsinan tulang, proses pembakaran *bone china*, struktur teori *istiḥālah*, aplikasi teori *istiḥālah* dalam *bone china*, analisis fatwa-fatwa *bone china*, analisis hukum penyaduran emas *bone china* serta analisis hukum perhiasan *bone china*.

#### **4.2 Analisis Proses Pengkalsinan Tulang dan Proses Pembakaran**

Analisis proses pengkalsinan dan proses pembakaran *bone china* akan dinilai mengikut perspektif hukum Islam. Aplikasi kedua-dua proses ini ditentukan mengikut penilaian kaedah penyucian Islam yang berkaitan iaitu melalui teori *istiḥālah*.

#### 4.2.1 Proses Pengkalsinan Tulang

Penggunaan serbuk abu tulang yang terbaik menghasilkan produk *bone china* yang berkualiti. Serbuk abu tulang terhasil daripada proses pengkalsinan tulang. Pengkalsinan berasal daripada perkataan *calcine* atau *calcination* yang bermaksud mengurangkan atau mengecilkan (*reduce*), mengoksidakan (*oxidize*), mengeringkan dengan pemanggang (*desiccate by roasting*) atau menggunakan pemanasan yang melampau (*strong heat*).<sup>1</sup>

Proses ini melibatkan beberapa fasa tertentu. Tulang dibersihkan dengan menggunakan air paip sebelum ia distim dan dikalsinkan pada suhu 800 °C hingga 1000 °C bagi menghilangkan lemak dan gelatin pada tulang. Kemudian, tulang akan dikisar dalam keadaan basah untuk mengecilkan saiz partikel tulang sehingga 75 hingga 80% dan diameter kurang 10 µm. Setelah itu, ia diperam selama tiga hingga empat minggu sehingga menghasilkan pati tulang. Proses pemeraman ini dilakukan bagi meningkatkan kadar plastik (*plasticity*) dalam kandungan bahan *bone china*.<sup>2</sup>

Kebiasaannya, abu tulang diambil daripada tulang lembu (*bones of oxen/cattle*) kerana ia sangat sesuai digunakan dalam pembuatan *bone china*.<sup>3</sup> *Ox* merupakan lembu

---

<sup>1</sup> Judy Pearsall (1999), *The Concise Oxford Dictionary*. United Kingdom: Oxford University Press, h. 197.

<sup>2</sup> F.H. Norton (1952), *Elements Of Ceramics*. Massachusetts: Addison-Wesley Publishing Company, h. 41. Lihat juga, W.E. Worrall (1975), *Clays And Ceramic Raw Materials*. London: Applied Science Publishers Ltd, h. 191. Lihat juga, A. J. Dale (1964), *Modern Ceramic Practice*. London: Maclaren & Sons Ltd., h. 296.

<sup>3</sup> Frank Hamer (1975), *The Potters Dictionary Of Materials And Techniques*. London: Pitman Publishers, h. 31. Lihat juga, F.H.Norton (t.t), *Elements Of Ceramic*. London: Addison-Wesley Publishing Company, h. 41. Lihat juga, Rex W. Grimshaw (1971), *The Chemistry And Physics Of Clays And Allied Ceramic Materials*. London: Ernest Benn Limited, h. 338.

jantan yang telah dikasi<sup>4</sup> atau sapi.<sup>5</sup> *Ox* juga dikenali sebagai <sup>6</sup> مخصية ، مخصى ، ثور ، بقر ، بقور<sup>7</sup>.

Manakala, *cattle* bermaksud lembu atau penternakan lembu,<sup>8</sup> *cows, bulls, oxen*,<sup>9</sup> dan ternak.<sup>10</sup> *Cattle* juga dikenali dengan nama غنم، ماشي/مواشي،<sup>11</sup> نعم وخصوصا الأبقار(ماشية)<sup>12</sup>.

Tulang lembu mempunyai kandungan iron yang rendah serta berfungsi menghasilkan warna lebih putih dan bersifat lut cahaya terhadap produk *bone china*.<sup>13</sup> Sebaliknya, tulang kuda dan babi tidak sesuai digunakan kerana mempunyai kandungan iron besi yang tinggi serta memberi kesan negatif terhadap penghasilan warna *bone china*. Warna yang terhasil adalah kekuningan atau keperangan.<sup>14</sup> Abu tulang terdiri daripada 67% hingga 85% kalsium fosfat (*calcium phosphate*) ( $\text{Ca}_3(\text{PO}_4)_2$ ), 3% hingga 10% kalsium karbonat (*calcium carbonate*), 2% hingga 3% magnesium fosfat (*magnesium phosphate*), sedikit kapur (*lime*) dan kalsium florida (*calcium fluoride*).<sup>15</sup>

Pada asasnya, tulang mentah adalah bersifat hidroksiapatit ( $\text{Ca}_5(\text{OH})(\text{PO}_4)_3$ ) dengan beberapa bendasing khususnya besi dan kalsium karbonat untuk mengelakkan pelunturan tembikar. *Bone china* memerlukan kandungan ion besi yang rendah dalam proses pembuatan *bone china*. Oleh itu, penggunaan tulang lembu lebih relevan

---

<sup>4</sup> The Internasional University Of Singapore (2000), *Federal-Chambers Advanced English Dictionary*. Selangor: Federal Publication Sdn. Bhd., h. 802. Lihat juga, Joyce M. Hawkins (2000), *Kamus Tatabahasa Oxford Fajar*. Selangor: Fajar Bakti Sdn. Bhd., h. 491.

<sup>5</sup> Kementerian Pendidikan Malaysia (1979), *Kamus Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 880. Lihat juga, Joyce M. Hawkins (2000), *op.cit*, h. 104.

<sup>6</sup> Hassan Daud al-Karami (1971), *op. cit*, h. 465.

<sup>7</sup> F. Steingass (t.t), *A learners's English Arabic Dictionary*. Beirut: Riyad Sulh Square, h. 271.

<sup>8</sup> Kementerian Pelajaran Malaysia (1979), *op. cit*, h. 173.

<sup>9</sup> Joyce M. Hawkins (1986), *The Oxford Reference Dictionary*. Oxford: Clarendon Press, h. 141.

<sup>10</sup> Peter Salem (1986), *The Contemporary English-Indonesian Dictionary*. c.2. Jakarta: Modern English Press, h. 303.

<sup>11</sup> Hassan Daud al-Karami (1971), *al-Mannar Qamus Inggelizi-Arabi*. London: Longman Group Limited, h. 93.

<sup>12</sup> F. Steingass (t.t), *op. cit*, h. 54

<sup>13</sup> W.E. Worrall (1975), *Clays and Ceramic Raw Metaterials*. London: Applied Science Publishers Ltd., h. 191.

<sup>14</sup> Felix Singer dan Sonja S. (1963), *Industrial Ceramics*. London: Chapman & Hall Ltd., h. 108. Lihat juga, Ismail Ab. Rahman (1992), *Bahan Mentah Seramik*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, h. 76.

<sup>15</sup> *Ibid*.

digunakan berbanding tulang kuda atau tulang babi.<sup>16</sup> Sumber bekalan utama tulang lembu diambil dari gudang penyembelihan di dalam negara atau luar negara seperti di Afrika Selatan.<sup>17</sup> Kebiasaannya, syarikat-syarikat pembuatan porselin lebih gemar membeli abu tulang yang telah siap dikalsinkan dari syarikat yang khusus dan pakar dalam bidang pengkalsinan tulang.<sup>18</sup>

Setelah itu, abu tulang akan diadun bersama kaolin dan feldspar. Adunan akan dibentuk untuk menghasilkan jasad *bone china* yang sempurna. Penghasilan jasad *bone china* perlu dikeringkan terlebih dahulu sebelum memulakan proses pembakaran. Proses pengeringan dilakukan bagi menyingkirkan air di dalam jasad *bone china* serta mengurangkan keretakan selepas proses pembakaran.

#### **4.2.2 Proses Pembakaran *Bone China***

*Bone china* mempunyai tiga peringkat pembakaran iaitu pembakaran biskut (*biscuit firing*), pembakaran licau (*glost firing*) dan pembakaran enamel (*enamel firing*). Pertama, pembakaran biskut (*biscuit firing*) merupakan proses pembakaran tembikar sebelum dilicau.<sup>19</sup> Pembakaran biskut dilakukan dalam berbagai-bagai jenis tanur seperti tanur ular, tanur berkala, dan tanur terowong.<sup>20</sup> Kebiasaannya, pembakaran *bone china* menggunakan suhu yang tinggi iaitu antara 1200°C hingga 1250°C.<sup>21</sup> Pada suhu 850°C, proses pengacaan atau kemas mula terbentuk. Dalam julat 1250°C, fluks

---

<sup>16</sup> *Ibid.*

<sup>17</sup> A. J. Dale (1964), *op.cit*, h. 296.

<sup>18</sup> *Ibid.*

<sup>19</sup> Kementerian Pendidikan Malaysia (1994), *Glosari Sains Mineral, Perlombongan, Seramik, Kaca Dan Metalurgi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 18.

<sup>20</sup> (t.n) (1986), "Rumusan Bengkel Teknologi Pembuatan Plastik & Seramik" (Program Pembangunan Usahawan, 22-25 Julai 1986. Shah Alam), h. 53.

<sup>21</sup> Chris Lefteri (2003), *Ceramics Materials For Inspirational Design*. Switzerland: Rotovision.S.A, h. 145.

melebur, fasa kaca terbentuk, dan perubahan hablur berlaku bagi meningkatkan sifat kekerasan dan lut cahaya pada jasad *bone china*.<sup>22</sup> Masa pembakaran yang diambil adalah selama 17 hingga 20 jam. Pembakaran biskut akan menghasilkan permukaan *bone china* yang licin tanpa liang.<sup>23</sup> Semasa proses pembakaran *bone china* yang mengandungi lebih kurang 50% abu tulang bersama-sama dengan 25% kaolin dan 25% Cornish stone, sebahagian kalsium bertindak balas dengan metakaolin ( $\text{Al}_2\text{Si}_2\text{O}_7$ ) membentuk anortit ( $\text{CaAl}_2\text{Si}_2\text{O}_8$ ). Manakala, baki kalsium membentuk trikalsium fosfat ( $\text{Ca}_3(\text{PO}_4)_2$ ) dan fosfat lebih bertindak balas dengan fluks membentuk kaca kompleks.<sup>24</sup>

Kedua, pembakaran *glost* (*glost firing*) merupakan pembakaran barangan seramik yang telah disalut dengan licau (*glaze*).<sup>25</sup> Pembakaran *glost* merupakan pembakaran pada suhu yang lebih rendah. Bahkan masa pembakaran lebih singkat berbanding pembakaran biskut.<sup>26</sup> Oleh itu, pembakaran *bone china* kali kedua menggunakan suhu yang lebih rendah iaitu  $1150^\circ\text{C}$ .<sup>27</sup> *Bone china* akan digilap menggunakan kertas karbon untuk menghasilkan permukaan porselin yang berkilau.<sup>28</sup>

Ketiga, pembakaran enamel (*enamel firing*) merupakan penghasilan kemasam atau salutan licau yang keras pada permukaan logam atau seramik. Pembakaran enamel juga merupakan pembakaran tambahan untuk mengekalkan hiasan pada jasad berlicau.<sup>29</sup>

---

<sup>22</sup> Allen Dinsdele (1993), *Sains Tembikar Bahan, Proses dan Hasil*. Radzali Othman Dan Ahmad Fauzi Mohd. Nor (terj.), Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, h. 125.

<sup>23</sup> F.H. Norton (1970), *Fine Ceramics Technology And Applications*. New York: Mc Graw Hill Book Company, h. 350.

<sup>24</sup> Ismail Ab. Rahman (1992), *op. cit*, h. 76.

<sup>25</sup> Kementerian Pendidikan Malaysia (1994), *op.cit*, h. 55.

<sup>26</sup> (t.n) (1986), *op.cit*, h. 53.

<sup>27</sup> Chris Lefteri (2003), *op.cit*, h. 145.

<sup>28</sup> F.H. Norton (1970), *op.cit*, h. 350.

<sup>29</sup> Kementerian Pendidikan Malaysia (1994), *op.cit*, h. 45.

Pembakaran enamel dilakukan selepas proses licau (*glaze*). Suhu yang digunakan adalah lebih rendah dan masa pembakaran lebih singkat berbanding pembakaran *glost*.<sup>30</sup> *Bone china* dibakar pada suhu 750°C hingga 850°C dan mengambil masa pembakaran selama 15 jam. Walau bagaimanapun, jumlah pembakaran berbeza bagi setiap kepingan *bone china* kerana jumlah pembakaran bergantung kepada jumlah penggunaan warna. Oleh itu, proses pembakaran akan berulang-ulang mengikut jumlah warna yang digunakan.<sup>31</sup>

Berdasarkan proses pengkalsinan dan proses pembakaran *bone china* di atas, kedua-dua proses ini mempunyai persamaan dengan kaedah penyucian Islam iaitu *istiḥālah*. Proses-proses ini telah merubah sifat asal bahan menghasilkan bahan baru yang berbeza dari aspek zat dan fizikal. Oleh itu, kedua-dua proses ini diaplikasikan sesuai dengan teori *istiḥālah* dalam Islam.

#### 4.2.3 Struktur Teori *Istiḥālah*

Secara umumnya, *istiḥālah* bermaksud perubahan atau transformasi.<sup>32</sup> *Istiḥālah* merujuk kepada perubahan sesuatu yang najis kepada sesuatu yang suci.<sup>33</sup> Ibn Ḥajar al-Haytamī berpandangan bahawa *istiḥālah* merupakan perubahan pada sifat atau fizikal bahan tetapi zat bahan tetap kekal (tiada perubahan).<sup>34</sup> Manakala, pandangan Wahbah Zuhaylī dalam kitabnya *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh* menghuraikan *istiḥālah* sebagai proses perubahan zat asal (najis) kepada zat baru (suci). Contohnya, sesuatu yang najis

---

<sup>30</sup> (t.n) (1986), *op.cit*, h. 53.

<sup>31</sup> A.J.Dale (1964), *op.cit*, h. 300.

<sup>32</sup> Abd bin Nuh dan Oemar Bakry (1993), *Kamus*. c.2. Kuala Lumpur: Victory Agencie, h. 92.

<sup>33</sup> Abū al-`Abbās Aḥmad Ibn Muḥammad `Alī al-Muqri' al-Fayyūmī (t.t), *al-Miṣbāḥ al-Munīr fī Gharīb al-Sharḥ al-Kabīr*. Beirūt: Dār al-Kutub al-`Ilmiyyah, h. 132.

<sup>34</sup> Abū al-`Abbās Aḥmad Ibn Muḥammad Ibn `Alī Ibn Ḥajar al-Haytamī (2001), *Tuḥfatuh al-Muḥtāj bi Sharḥ al-Minhāj*. j.1, Beirūt: Dār al-Kutub al-`Ilmiyyah, h. 104.

bertukar menjadi suci atau sesuatu yang diharamkan berubah menjadi sesuatu yang diharuskan oleh syarak.<sup>35</sup> Ibn `Ābidīn menegaskan bahawa *istiḥālah* ialah perubahan zat yang berlaku dalam dua keadaan, sama ada perubahan secara keseluruhan (*kullī*) atau perubahan secara sebahagian (*juz'ī*). Contohnya, pemprosesan buah zaitun yang terkena najis menjadi sabun dan arak bertukar menjadi cuka sama ada melalui proses semulajadi atau bukan semulajadi.<sup>36</sup>

Ibn Nujaym dalam kitabnya *al-Baḥr al-Rā'iq* menyatakan:<sup>37</sup>

*”Sesuatunya perkara yang sifat asalnya najis kemudian berubah menjadi zat yang suci seperti arak yang bertukar menjadi cuka. Para fuqaha tidak berbeza pandangan dalam perkara ini. Demikian juga, bangkai babi yang terjatuh ke dalam garam dan ia berubah menjadi garam. Maka, garam yang terhasil adalah suci. Begitu juga, najis binatang yang dibakar sehingga berubah menjadi abu. Maka, abu yang terhasil juga adalah suci.”*

Ibn Ḥazm dalam kitabnya *al-Muḥalla* turut menegaskan:<sup>38</sup>

*”Sesuatunya sifat bahan najis yang telah berubah menjadi sifat suci, maka namanya juga akan berubah dan sifat najisnya juga terbatal. Oleh itu, bahan baru yang terhasil berbeza dari aspek nama, zat dan ciri-cirinya. Ia bukan lagi menjadi bahan najis yang haram. Bahkan, ia telah berubah menjadi bahan baru yang mempunyai hukum yang berlainan.*

*Manakala, sesuatu sifat bahan suci yang berubah menjadi najis, maka nama juga bertukar menjadi bahan najis seperti jus buah-buahan yang menjadi arak, air minuman yang berubah menjadi air kencing, makanan yang berubah menjadi najis manusia, najis dan air kencing manusia dan haiwan yang digunakan sebagai baja untuk mengeluarkan buah-buahan yang halal dan beberapa contoh yang berlainan.”*

---

<sup>35</sup> Wahbah Zuḥaylī (1997), *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*. j.7, c.4. Dimashq: Dār al-Fikr, h. 5265.

<sup>36</sup> Muḥammad Amin al-Shahīr Ibn `Ābidīn (1966), *op.cit*, h. 326-329.

<sup>37</sup> Zayn al-Dīn Ibn Ibrāhīm Ibn Nujaym (1998), *al-Baḥr al-Rā'iq*, j.8, Beirut: Dār al-Kutub al-`Ilmiyyah, h. 404.

<sup>38</sup> Abū Muḥammad `Alī Ibn Aḥmad Ibn Sa`īd Ibn Ḥazm al-Andalusī (1988), *al-Muḥalla bi al-Āthār*. j.1, Beirut: Dār al-Kutub al-`Ilmiyyah, h. 123.

Ibn Taymiyyah juga menyatakan di dalam *al-Fatāwā al-Kubrā*.<sup>39</sup>

” Riwayat daripada *Imām Aḥmad, Imām Mālik, Abū Ḥanīfah* serta ulama *Zāhirī* dan lain-lain menyatakan najis boleh menjadi suci melalui proses *istiḥālah*. Pandangan ini adalah pandangan yang lebih tepat. Mereka berpandangan, apabila binatang telah berubah menjadi tanah, maka hukumnya berubah menjadi suci. Selain itu, sesuatu yang terjatuh ke dalam tempat garam kemudian berubah menjadi garam maka hukumnya turut berubah.”

Sepertimana yang diketahui, pembakaran atau *iḥtirāq* merupakan salah satu medium penyucian *istiḥālah* dalam syariat Islam.<sup>40</sup> Pandangan ini majoritinya disepakati oleh mazhab Hanafi. Antaranya, Ibn Taymiyyah<sup>41</sup> menegaskan bahawa asap yang terhasil daripada perbakaran bahan najis adalah suci, malah tanah yang terkena najis yang kemudiannya dibentuk menjadi barangan tembikar juga akan menghasilkan tembikar yang suci.

Merujuk pandangan ulama semasa yang membincangkan teori *istiḥālah*, Prof. Madya Dr. Anisah Ab. Ghani menyatakan bahawa teori *istiḥālah* sebagai percampuran antara bahan najis dengan bahan suci yang merubah zat najis kepada zat yang suci atau sebatian zat antara bahan halal dan bahan haram sehingga ia tidak boleh diasingkan.<sup>42</sup> Manakala, Prof. Dato' Paduka Dr. Mahmood Zuhdi Hj. Ab. Majid mendefinisikan teori *istiḥālah* sebagai teori pencernaan. Teori pencernaan akan merubah bahan asal membentuk bahan baru yang berbeza dengan bahan asal. *Istiḥālah* melibatkan agen mekanisme perubahan secara mekanikal dan bukan mekanikal. Contoh proses *istiḥālah*

<sup>39</sup> Abū al-`Abbās Taqī al-Dīn Aḥmad Ibn `Abd al-Ḥalīm (t.t), *al-Fatāwā al-Kubrā li Ibn Taymiyyah*. j.1, Beirut: Dār al-Ma`rifah, h. 41-46.

<sup>40</sup> Zayn al-`Ābidīn Ibn Ibrāhīm Ibn Nujaym (1968), *al-Ashbāh wa an-Nazāir*. al-Qāhirah : (T.T.P), h. 166.

<sup>41</sup> `Abd al-Ḥalīm (t.t), *op.cit*, h. 43-44.

<sup>42</sup> Prof. Madya Dr. Anisah Ab. Ghani, Prof. Madya, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Temubual pada 24 Februari 2011.



secara mekanikal ialah air kumbahan yang telah melalui proses penyulingan mampu menghasilkan air minuman yang suci. Manakala, contoh proses *istiḥālah* secara bukan mekanikal ialah wang hasil perjudian dihulurkan ke dalam badan baitulmal menghasilkan wang yang halal untuk diagihkan kepada fakir miskin.<sup>43</sup>

Berdasarkan pandangan-pandangan di atas, *istiḥālah* dapat dirumuskan sebagai perubahan zat asal kepada zat baru secara semulajadi atau bukan semulajadi.<sup>44</sup> Perubahan yang terhasil akan merubah sifat secara keseluruhan meliputi nama, warna, rasa, dan bau.<sup>45</sup> Kaedah fiqh yang sesuai digunakan, ialah ‘إن النجاسة إذا استحالت طهر’ yang bermaksud bahan najis apabila berubah keadaannya (menjadi suatu bahan lain) maka hukumnya menjadi suci.<sup>46</sup>

Kaedah fiqh kedua, ‘استحالة الأحكام باستحالة الأسماء وأستحالة الأسماء باستحالة الصفات’ yang bermaksud perubahan sesuatu hukum adalah bergantung kepada perubahan nama (sesuatu bahan) dan perubahan (bahan tersebut pula) bergantung kepada (yang berlaku) pada sifat (ciri-ciri tersebut). Struktur teori *istiḥālah* mempunyai kerangka asasnya yang tersusun dan tersendiri. Seperti berikut:<sup>47</sup>

---

<sup>43</sup> Prof. Dato' Paduka Dr. Mahmood Zuhdi Hj. Ab. Majid, Timbalan Dekan di Institut Pemikiran dan Ketamadunan Islam Antarabangsa (ISTAC), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Temubual pada 19 Januari 2011.


<sup>44</sup> Zuḥaylī (1997), *op.cit*, h. 59.

<sup>45</sup> Muḥammad Mish'al (t.t), *op. cit*, h. 424-425

<sup>46</sup> *Ibid.*, h. 78.

<sup>47</sup> Mohammad Aizat bin Jamaludin (2009), ‘Teori Istihalah Menurut Perspektif Islam Dan Sains: Aplikasi Terhadap Beberapa Penghasilan Produk Makanan’ (Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), h. 61.

**Rajah 1.1: Struktur Teori *Istiḥālah***



Rajah 1.1 menunjukkan struktur teori *istiḥālah*. Struktur ini terdiri daripada tiga elemen asas. Pertama, bahan asal. Kedua, agen perubahan. Ketiga, bahan akhir atau bahan baru yang terhasil. Struktur ini dilengkapi dengan proses pencampuran dan proses perubahan. Proses perubahan berlaku apabila bahan asal berinteraksi dengan agen perubahan yang menghasilkan bahan akhir. Bahan akhir ini berbeza dari segi fizikal atau kandungan daripada bahan asal.<sup>48</sup>

Bahan akhir adalah elemen asas yang terakhir dalam struktur teori perubahan zat. Bahan akhir adalah bahan yang terhasil setelah melalui agen serta proses perubahan daripada bahan asal. Bahan akhir yang terbentuk dengan tiga ciri baru. Pertama, mempunyai persamaan dari segi rupa fizikal namun berbeza sifat kandungan (nutrien). Kedua, sifat kandungan yang sama tetapi keadaan fizikal yang sama. Ketiga, bahan akhir tidak sama dengan bahan asal sama ada bentuk fizikal dan sifat kandungannya.<sup>49</sup>

<sup>48</sup> *Ibid.*

<sup>49</sup> *Ibid.*, h. 78.

Berasaskan struktur teori *istiḥālah* di atas, bahan akhir yang terhasil akan menentukan sesuatu hukum. Sekiranya, bahan akhir yang terhasil menyerupai bahan asal, maka hukum asal akan dikekalkan. Sebaliknya, apabila bahan akhir yang terhasil adalah bahan baru, maka hukum akan berubah sama ada hukum halal ataupun haram. Berdasarkan realiti ini, teori *istiḥālah* sangat sesuai diaplikasikan terhadap produk *bone china* bagi mengesahkan status penggunaan *bone china* dalam kalangan masyarakat Islam.

#### **4.2.4 Aplikasi Teori *Istiḥālah* Dalam *Bone China***

Berhubung produk *bone china*, Jabatan Mufti Selangor telah mengadakan penyelidikan bersama Institut Penyelidikan, Perundingan dan Komersialan (IRDC) di Universiti Teknologi Mara (UiTM) yang diwakili oleh pensyarah Jabatan Seramik, Fakulti Seni Lukis & Seni Reka untuk Jabatan Mufti Negeri Selangor (JMS). Tujuan penyelidikan ini dilakukan bagi membantu pihak Jabatan Mufti Negeri Selangor mengenalpasti kandungan bahan mentah, kaedah pembuatan dan cara mengesan produk *bone china* yang diperbuat daripada abu tulang sebagai bahan campuran. Pihak perunding telah melakukan beberapa penyelidikan intensif dengan menggunakan peralatan yang canggih dan terkini untuk mengkaji sampel produk *bone china* bagi mencapai tujuan tersebut.<sup>50</sup>

Pencirian terhadap sifat-sifat bahan mentah perlu dijalankan terlebih dahulu bagi mengenalpasti bahan-bahan mentah yang digunakan dalam *bone china*. Teknik pencirian yang paling umum ialah teknik analisis kandungan mineral. Teknik ini dikenali sebagai *X-ray Diffractometer (XRD)*. Teknik XRD dapat mengesan fasa-fasa bahan mentah yang digunakan dalam pembuatan *bone china*. Manakala, teknik analisis

---

<sup>50</sup> Zainal bin Zakaria *et. al* (t.t), *op.cit*, h. 1-2.

kandungan kimia menggunakan *X-ray Fluorescence Spectrometer* (XRF). Teknik ini digunakan bagi menentukan jenis-jenis oksida yang terdapat di dalam bahan mentah. Pencirian bahan juga menggunakan *Particle Size Distribution* (PSD) bagi menentukan saiz partikel dan *Scanning Electron Microscope* (SEM) yang berfungsi sebagai teknik struktur mikro.<sup>51</sup> (Sila rujuk gambar rajah di lampiran D (a) ).

Kajian ini menggunakan tulang haiwan yang terdiri daripada tulang lembu, tulang kambing dan tulang babi. Ketiga-tiga tulang ini banyak digunakan dalam pembuatan produk *bone china* memandangkan saiz tulang adalah besar dan boleh didapati dalam kuantiti yang banyak. Menurut penjelasan Nurhelmi bin Hj. Ikhsan, pembuatan *bone china* menggunakan semua tulang haiwan termasuk tulang ikan.<sup>52</sup> Eksperimen dimulakan dengan merebus tulang mentah terlebih dahulu bagi menanggalkan sisa-sisa daging, lemak, lendiran dan darah. Kemudian, tulang tersebut dibakar pada suhu 1000°C, dikisar dan ditapis sehingga menghasilkan serbuk tulang. Serbuk tulang kemudiannya dilabel dengan OX (abu tulang lembu), GA (abu tulang kambing) dan SA (abu tulang babi).<sup>53</sup> (Sila rujuk gambar rajah di lampiran D (b) ).

Bahan asas penyediaan *bone china* menggunakan 50% abu tulang yang diadun bersama 25% kaolin dan 25% felspar. Semua adunan bahan dikisar dan ditekan bagi menghasilkan palet. Kesemua palet dikeringkan dan dilabelkan BSI (komposisi abu tulang lembu), BS2 (komposisi abu tulang kambing) dan BS3 (komposisi abu tulang babi). Palet yang telah dikeringkan akan dibakar pada suhu 1270°C dan dilabel sebagai

---

<sup>51</sup> *Ibid.*, h. 3.

<sup>52</sup> Nurhelmi Haji Ikhsan, Pegawai Hal Ehwal Islam, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Selangor. Temubual pada 26 Januari 2011.

<sup>53</sup> Zainal bin Zakaria *et. al* (t.t), *op.cit*, h. 27.

BS1-F, BS2-F dan BS3-F.<sup>54</sup> (Sila rujuk gambar rajah di lampiran D (c) ). Ia dijadualkan seperti berikut:

Jadual 1.2: Komposisi bahan *bone china*

No. Bahan	BS1	BS2	BS3
Bahan asas <i>bone china</i>	50% OA	50% GA	50% SA
	25% Kaolin		
	25% Felspar		

Sumber: Kertas kerja penyelidikan bahan produk seramik *bone china* yang menggunakan bahan asas dari abu tulang, Kertas Kerja Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor.

Jadual 1.2 menunjukkan komposisi bahan *bone china*. Bahan utama iaitu 50% abu tulang setiap bahan diadunkan dengan 25% kaolin dan 25% felspar. Kemudian ia dikeringkan dan dibakar dengan kadar suhu 1270°C untuk dianalisis komposisi kimia, analisis struktur mikro bahan dan analisis komposisi berfasa.<sup>55</sup> Komposisi kimia abu tulang diperincikan seperti jadual berikut:

Jadual 1.3: Komposisi kimia bahan *bone china* sebelum dan selepas pembakaran

Oxide	BS1	BS2	BS3	BS1-F	BS2-F	BS3-F
P <sub>2</sub> O <sub>5</sub>	21.9	20.5	18.9	20.8	20.2	19.4
CaO	23.5	25.4	26.0	22.2	25.3	26.8

<sup>54</sup> *Ibid.*

<sup>55</sup> *Ibid.*, h. 29.

SiO <sub>2</sub>	34.5	34.3	34.4	35.7	34.1	33.8
Al <sub>2</sub> O <sub>3</sub>	14.9	15.9	15.2	16.0	15.7	15.0
Fe <sub>2</sub> O <sub>3</sub>	0.51	0.52	0.42	0.48	0.42	0.48
TiO <sub>2</sub>	0.11	0.09	0.10	0.10	0.09	0.08
Na <sub>2</sub> O	0.20	0.16	0.22	0.33	0.28	0.25
K <sub>2</sub> O	4.04	3.65	4.57	4.06	3.79	4.05
MgO	0.22	0.43	0.17	0.14	0.17	0.16


Sumber: Kertas kerja penyelidikan bahan produk seramik *bone china* yang menggunakan bahan asas dari abu tulang, Kertas Kerja Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor.

Jadual 1.3 menunjukkan perbezaan kandungan kalsium dan fosfat dalam komposisi tulang. Tulang lembu mengandungi fosfat tertinggi diikuti tulang kambing dan tulang babi. Manakala, komposisi fosfat pula tulang babi tertinggi, diikuti oleh tulang kambing dan tulang lembu. Secara keseluruhannya, peratusan oksida pada komposisi kering menurun setelah dibakar kecuali kandungan kalsium pada jasad *bone china* yang dicampur tulang babi (BS3-F) menunjukkan sedikit perbezaan, iaitu meningkat setelah ia dibakar pada suhu 1270°C.<sup>56</sup>


Berdasarkan gambar rajah daripada *Scanning Electron Microscope* (SEM), menunjukkan ketiga-tiga tulang yang telah melalui proses pengkalsinan. Gambar rajah dinyatakan seperti dibawah:

---


<sup>56</sup> *Ibid.*



**Figure 1:** SEM micrograph of calcined raw of ox bone of OA at 5000X magnification




**Figure 2:** SEM micrograph of calcined raw of goat bone of GA at 5000X magnification




**Figure 3:** SEM micrograph of calcined raw of swine bone of SA at 5000X magnification

Ketiga-tiga gambar rajah di atas, menunjukkan abu tulang lembu (OA) mempunyai pelbagai bentuk dan tidak sekata, dari 1μm hingga 5μm. Abu tulang

kambing (GA) mempunyai bentuk saiz jisim yang lebih halus iaitu dari 0.5 $\mu$ m hingga 3 $\mu$ m. Manakala, abu tulang kecil babi (SA) mempunyai saiz jisim yang lebih meluas iaitu dari sekecil 0.5 $\mu$ m hingga 15 $\mu$ m.<sup>57</sup> Berdasarkan *Scanning Electron Microscope* (SEM) pada gambar rajah 4, 5 dan 6 menunjukkan abu tulang yang telah dicampur kering dengan kaolin dan felspar, seperti di bawah:



**Figure 4:** SEM micrograph of formulated ox bone china body of BS1 at 5000X magnification. Kaolin particle in pink circle while felspar rock in the green square.




**Figure 5:** SEM micrograph of formulated goat bone china body of BS2 at 5000X magnification.

---


<sup>57</sup> *Ibid.*






**Figure 6:** SEM micrograph of formulated swine bone china body of BS3 at 5000X magnification.

Ketiga-tiga gambar rajah di atas juga dikenali sebagai jasad *bone china*. Gambar menunjukkan bahan kaolin dalam bulatan, felspar dalam kotak dan jisim halus adalah abu tulang. Manakala, *Scanning Electron Microscope* (SEM) pada gambar rajah 7, 8 dan 9 seperti dibawah menunjukkan struktur mikro jasad *bone china* (lembu, kambing dan babi) yang telah dibakar pada suhu 1250°C. Hasil kajian mendapati, ketiga-tiga jasad menunjukkan struktur yang hampir sama.<sup>58</sup> Keputusannya dijelaskan sepertimana gambar rajah di bawah:




**Figure 7:** SEM micrograph of ox bone china body of BS1 with large pores sintered at 1270°C (BS1F) with 500X magnification.

<sup>58</sup> *Ibid.*, h. 53.




**Figure 8:** SEM micrograph of goat bone china body of BS2 with pores sintered at 1270°C (BS2F) with 500X magnification.




**Figure 9:** SEM micrograph of swine bone china body of BS3 with pores sintered at 1270°C (BS3F) with 500X magnification.

Manakala, *X-ray Diffractometer (XRD)* menunjukkan fasa abu tulang tempatan.


Ia dinyatakan sepertimana berikut:



*Figure 10: XRD spectrum of sample OA*




*Figure 11: XRD spectrum of sample GA*




**Figure 12:** XRD spectrum of sample SA

Gambar rajah 10, 11 dan 12 menunjukkan fasa abu tulang asli tempatan (OA,GA dan SA) mengandungi bahan hidroksiapatit (*hydroxylapatite*) yang tinggi. Manakala, abu tulang babi mengandungi tambahan bahan *fluorapatite*, berkemungkinan terhasil daripada pemakanan yang diambil oleh haiwan. Gambar rajah berikut pula:



**Figure 13:** XRD spectrum of comparison of formulated bone china body samples, with missing peaks for goat bone china (red circle).

Berdasarkan *X-ray Diffractometer (XRD)* pada gambar rajah 13 menunjukkan fasa jasad adunan bagi BS1, BS2 dan BS3. Gambar rajah di atas menunjukkan jasad *bone china* abu tulang kambing (BS2) menampakkan perbezaan yang jelas dengan puncak spektra yang sedikit. Manakala, jasad *bone china* abu tulang lembu dan babi sukar dibezakan kerana puncak spektranya seakan-akan sama. Namun, puncak spektra hidroksiapatit (*hydroxylapite*) pada babi agak tinggi seperti pada bulatan tersebut.



**Figure 14:** XRD spectrum of comparison of formulated bone china body samples sintered at 1270°C.

Berdasarkan gambar rajah 14 menunjukkan fasa spektra jasad *bone china* (BS1-F, BS2-F dan BS3-F) yang telah dibakar 1270°C. Kesemua jasad tersebut telah bertukar menjadi jasad anortit dan ini menjadikannya bertambah sukar untuk dibezakan.<sup>59</sup> Ini menunjukkan bahawa ketiga-tiga bahan ini membentuk sebatian yang sukar untuk diasingkan.

<sup>59</sup> *Ibid.*

Berdasarkan kajian makmal di atas, kebiasaannya pembuatan *bone china* menggunakan semua jenis tulang haiwan sebagai bahan asas utama. Hal ini membuktikan, kemungkinan besar tulang haiwan diambil daripada binatang yang tidak disembelih menurut syarak.<sup>60</sup> Hujah ini dikukuhkan oleh Nurhelmi Hj. Ikhsan, Pegawai Hal Ehwal Islam JAIS. Beliau menyatakan *bone china* banyak dihasilkan di Jepun, United Kingdom dan China. Oleh yang demikian, kemungkinan penggunaan tulang yang tidak disembelih adalah tinggi berdasarkan pengamalan budaya dan agama yang majoritinya bukan beragama Islam.<sup>61</sup>

*Bone china* juga mengandungi campuran tulang babi. Tulang babi sememangnya digunakan dalam produk *bone china* kerana ia mudah didapati dan harganya lebih murah.<sup>62</sup> Namun demikian, produk *bone china* yang dihasilkan daripada tulang babi adalah kurang berkualiti ekoran warnanya kurang putih, permukaannya yang tidak sekata, sukar untuk dikilatkan kerana mempunyai tekstur yang sangat lembut, mudah pecah dan tidak tahan lama. Bukan itu sahaja, harga jualan *bone china* yang diperbuat daripada tulang babi adalah lebih murah di pasaran berbanding dengan *bone china* yang terhasil daripada campuran tulang lembu.<sup>63</sup>

Rumusannya, produk *bone china* mempunyai sifat fizikal (saiz jisim, komposisi kimia dan struktur kimia) yang hampir sama walaupun menggunakan bahan tulang yang berbeza (abu tulang lembu, kambing atau babi). Kajian ini juga menunjukkan dalam penyediaan tulang asli, segala bahan organik seperti sisa daging, darah dan rawan

---

<sup>60</sup> Nurhelmi Haji Ikhsan, *op.cit.*,

<sup>61</sup> *Ibid.*


<sup>62</sup> Hajah Masyitah Haji Hussien, Pegawai Penasihat, Vantage, Petaling Jaya. Temubual pada 15 Ogos 2010.

<sup>63</sup> Melvin Meoy, Perunding Pemasaran, Mantrade Trading, Kuala Lumpur. Temubual pada 24 November 2010.

terbakar hangus apabila dibakar pada suhu yang tinggi melebihi 1000°C. Bahan akhir yang wujud adalah oksida dan kalsium fosfat. Kemudian, abu tulang yang diadun bersama kaolin dan felspar akan membentuk bahan akhir iaitu jasad *bone china*.<sup>64</sup>

Hasil akhir mendapati, unsur tulang (abu tulang) yang menjadi bahan asas utama dalam pembuatan produk *bone china* telah bertukar kepada unsur karbon setelah melalui proses pengkalsinan dan beberapa proses pembakaran bagi menghasilkan produk *bone china* yang melepasi piawaian kualiti (*quality control*) untuk dipasarkan.<sup>65</sup> Hal ini menunjukkan proses pengkalsinan tulang dan proses pembakaran *bone china* telah menyamai proses *istiḥālah* dalam Islam. Hal ini jelas menunjukkan, bahan akhir yang terbentuk tidak menyerupai bahan asal iaitu berbeza dari segi zat dan fizikal bahan asal. Struktur pengkalsinan tulang dapat dirumuskan seperti berikut:

Rajah 1.4: Struktur Pengkalsinan Tulang



Rajah 1.4 menunjukkan struktur pengkalsinan tulang. Tulang mentah direbus terlebih dahulu untuk menghilangkan sisa daging, lemak dan darah yang melekat pada tulang haiwan. Kemudian, ia akan dibakar pada suhu 1000°C lalu dikisar dan ditapis

<sup>64</sup> Zainal bin Zakaria *et. al* (t.t), *op.cit*, h. 31-32.

<sup>65</sup> *Ibid.*

sehingga menghasilkan serbuk abu tulang. Serbuk abu tulang yang terhasil wujud dalam bentuk oksida dan kalsium fosfat.<sup>66</sup>

Rajah 1.5: Proses Pembakaran Produk *Bone China*



Rajah 1.5 menunjukkan proses pembakaran produk *bone china*. Penghasilan *bone china* yang sempurna melibatkan tiga kali proses pembakaran. Justeru itu, serbuk abu tulang yang diadun bersama dengan kaolin dan feldspar yang dikenali sebagai jasad *bone china* akan dibakar dengan tanur letrik pada suhu 1270°C lalu menghasilkan produk *bone china*. Pembakaran ini merupakan pembakaran pertama dan dikenali sebagai pembakaran biskut (*biscuit firing*). Seterusnya, jasad *bone china* dibakar untuk kali yang kedua dan ketiga dengan pembakaran licau (*glost firing*) dan pembakaran enamel (*enamel firing*). Produk *bone china* yang terhasil adalah berbeza daripada bahan asalnya sama ada tulang mentah yang digunakan terdiri daripada tulang lembu, tulang babi atau tulang-tulang haiwan yang lain.


Berdasarkan rajah 1.4 dan rajah 1.5 di atas menunjukkan bahan akhir yang terhasil pada akhir proses pengkalsinan dan proses pembakaran *bone china* telah mengalami proses *istiḥālah* mengikut mazhab Hanafi dan mazhab Maliki. Hal ini kerana bahan akhir yang terbentuk berbeza dari segi nama, zat dan fizikal bahan asal iaitu

<sup>66</sup> *Ibid.*



tulang haiwan yang haram digunakan kepada bahan baru iaitu serbuk tulang yang mengandungi dalam bentuk oksida dan kalsium fosfat. Proses *istiḥālah* terhadap produk *bone china* dirumuskan seperti berikut:

**Rajah 1.6: Proses *Istiḥālah* Terhadap Produk *Bone China***



Rajah 1.6 di atas, menunjukkan aplikasi proses *istiḥālah* terhadap tulang mentah babi yang menghasilkan serbuk abu tulang melalui proses pengkalsinan serta diadun bersama *kaolin* dan felspar. Setelah itu, ia dibakar sebanyak tiga kali sehingga menghasilkan produk *bone china* yang halal dan membolehkan penggunaannya diharuskan oleh syarak. Tulang babi telah melalui proses kimia (*chemical process*) dan menghasilkan produk baru yang tidak lagi menyerupai sifat tulang babi.<sup>67</sup>

<sup>67</sup> Zainal bin Zakaria *et. al* (t.t), *op.cit*, h. 58.

Begitu juga, tulang mentah lembu yang diragui kaedah sembelihannya. Kemungkinan besar tulang lembu yang digunakan diambil daripada lembu yang tidak disembelih secara syarak. Oleh itu, hukum menggunakannya sama dengan hukum ke atas bangkai. Walau bagaimanapun, tulang lembu mentah ini telah melalui proses pengkalsinan dan diadun bersama kaolin dan felspar. Kemudian, ia dibakar sebanyak tiga kali secara berterusan. Justeru itu, kedua-dua proses ini telah merubah sifat tulang mentah lembu yang haram kepada halal kerana telah berlaku perubahan zat dan fizikal haram kepada zat dan fizikal baru yang halal dan suci.

Berhubung permasalahan produk *bone china* ini, penggunaan kaedah *istiḥālah* boleh diaplikasikan mengikut mazhab Hanafi dan mazhab Maliki serta beberapa ulama-ulama fiqh yang lain. Berdasarkan situasi ini, kaedah *istiḥālah* boleh diaplikasikan dalam penghasilan produk *bone china*. Justeru, produk ini dilabelkan sebagai suci dan boleh digunakan oleh pengguna-pengguna Islam. Kedua-dua mazhab ini berpandangan, setiap bahan najis yang telah bertukar sifat dan ciri-cirinya tidak lagi dinamakan najis tetapi telah bertukar menjadi bahan lain yang mempunyai nama, sifat dan ciri-ciri bahan baru.<sup>68</sup> Pandangan ini disokong oleh En. Dzulkifli Mat Hashim yang menyatakan proses pengkalsinan dan proses pembakaran untuk menghasilkan *bone china* telah mengubah sifat dan fizikal asal tulang babi sehingga membentuk zat dan fizikal yang baru.<sup>69</sup> Beliau juga menyatakan, sekiranya ulama boleh menerima kesucian kulit bangkai melalui proses penyamakan serta harus memanfaatkan sayur-sayuran yang dibajai dengan najis babi, mengapa mereka (fuqaha) tidak boleh menerima konsep pengkalsinan dan kaedah

---

<sup>68</sup> Abd al-Ḥalīm (t.t), *op.cit*, h. 41-46. Lihat juga, Zainal bin Zakaria *et. al* (t.t), *op.cit*, h. 59.

<sup>69</sup> Encik Dzulkifli Mat Hashim, Ketua Makmal Produk dan Proses Inovasi, Institut Penyelidikan Produk Halal, Universiti Putra Malaysia. Temubual pada 20 Ogos 2010.

pembakaran yang jauh lebih baik dan bersih (suci) jika dibandingkan dengan proses penyamakan dan proses pembajaan tersebut?<sup>70</sup>

Walau bagaimanapun, sekiranya ia dinilai dari perspektif mazhab Syafii dan mazbah Hanbali yang agak ketat penerimaannya terhadap kaedah *istiḥālah*, sifat kenajisan babi masih kekal di dalam produk *bone china* dan sifat najis tersebut tidak akan hilang. Hal ini kerana, proses *istiḥālah* dianggap sebagai tidak berlaku kerana perubahan yang berlaku mungkin tidak sepenuhnya dan sifat-sifat kenajisan mungkin kekal dan tidak mengalami sebarang perubahan. Sekiranya penggunaannya diharuskan, dibimbangi membuka ruang kepada penggunaan produk-produk yang bersumberkan babi secara berleluasa dan menjerumuskan umat Islam kepada penggunaan sesuatu yang najis dan haram.<sup>71</sup> Pandangan ini disokong oleh Prof. Madya Datin Dr. Paizah Ismail. Beliau menyatakan tidak berlaku proses *istiḥālah* dalam pemprosesan *bone china* kerana zat babi masih wujud di dalam produk tersebut sekalipun *bone china* telah dibakar dalam suatu tempoh yang lama.<sup>72</sup> Berdasarkan fakta ini, langkah alternatif yang diambil kira adalah hukum penggunaan *bone china* tidak diharuskan. Hal ini sebagai langkah berhati-hati (*iḥtiyāṭ*) terhadap penggunaan dan penghasilan produk-produk babi yang lain yang diragui status halal dan haramnya serta dibimbangi terjerumus ke dalam hal-hal yang meragukan (*syubhah*).<sup>73</sup>

Berhubung isu ini, beberapa fatwa telah dikeluarkan oleh majlis-majlis fatwa termasuk majlis fatwa di United Kingdom dan negara Persatuan Negara-Negara Asia

---

<sup>70</sup> *Ibid.*

<sup>71</sup> Zainal bin Zakaria *et. al* (t.t), *op.cit*, h. 59-69.

<sup>72</sup> Prof. Madya Datin Dr. Paizah Ismail, Pensyarah Kanan Jabatan Undang-Undang, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Kuala Lumpur. Temubual pada 21 Januari 2011.

<sup>73</sup> *Ibid.*

Tenggara (ASEAN). Antaranya Malaysia, Singapura dan Brunei Darussalam sebagaimana yang akan disentuh dalam tajuk seterusnya.

#### 4.4 Analisis Fatwa-Fatwa *Bone China*

Analisis fatwa-fatwa *bone china* yang diwartakan melibatkan beberapa buah negara seperti Malaysia, Singapura dan Brunei. Fatwa Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS) belum mengeluarkan fatwa berkenaan dengan *bone china*. Tetapi, terdapat sebuah panduan agama (*irsyād*) yang dikeluarkan oleh Pejabat Mufti Singapura yang membahaskan isu ini. *Irsyād* merupakan sebuah panduan agama, dan bukan fatwa yang diwartakan. *Irsyād* tersebut berbunyi :<sup>74</sup>

*"Bone china adalah sejenis tembikar baru yang menggunakan tulang binatang sebagai salah satu dari kandungannya. Tulang tersebut dibakar sehingga 1000 darjah celsius sehingga berubah sifat dan bentuknya. Bone china kemudian dicampur dengan bahan-bahan lain seperti tanah liat untuk menjadikannya keras, dan dipanggil sebagai bone china.*

*Oleh kerana sifat tulang tersebut telah berubah, dan juga bone china telah bercampur secara halus dengan bahan-bahan lain, maka bejana dari "bone china" boleh digunakan untuk menyediakan makanan. Bone china bukan najis."*

Analisis fatwa *bone china* daripada (MUIS), berdasarkan kenyataan daripada buku panduan *irsyād* ternyata sandaran yang digunakan berasaskan konsep *istiḥālah*.<sup>75</sup> Kaedah *istiḥālah* didefinisikan Ibn al-`Arabī sebagai perubahan bahan najis menjadi suci dari aspek zat dan sifat-sifatnya. Zat dan sifat-sifatnya berubah menjadi bahan baru

---

<sup>74</sup>Majlis Ugama Islam Singapura, [http://www.muis.gov.sg/cms/oomweb/oom\\_faq.aspx?id=14822](http://www.muis.gov.sg/cms/oomweb/oom_faq.aspx?id=14822), 20 Februari 2011. Sepertimana Rujukan Lampiran Fatwa Di Bahagian Lampiran.

<sup>75</sup> Izal bin Mustafa, Pegawai Eksekutif, Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS), Singapura. Email pada 4 Januari 2011.

dan hukumnya juga berubah menjadi suci.<sup>76</sup> Oleh itu, hukum penggunaan *bone china* adalah diharuskan oleh syarak.

Selain itu, Jabatan Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam mewartakan fatwa yang bertajuk " Penggunaan Pinggan-Mangkuk *Bone china* " melalui siri fatwa (07/2006) adalah seperti berikut:

*“Jika abu tulang berasal dari babi atau anjing, maka haram menggunakannya kerana babi dan anjing adalah binatang yang jelas najis dan haram dalam Islam. Oleh itu, semua barang yang berasal dari babi dan anjing juga haram secara haram.*

*Jika abu tulang diambil dari binatang yang boleh dimakan dagingnya dan ianya telah disembelih mengikut syarak, maka hukumnya adalah suci dan semua bahagian daripada binatang tersebut juga adalah suci. Bahagian tersebut boleh digunakan dan dimanfaatkan tanpa ada keraguan.*

*Manakala, bagi abu tulang yang diambil dari binatang yang boleh dimakan dagingnya tetapi ianya mati tanpa disembelih secara syarak atau dari binatang yang tidak dapat dimakan dagingnya sama ada ianya disembelih mengikut syarak atau sebaliknya, maka binatang berkenaan menjadi bangkai dan tulangnya juga hukumnya adalah najis. Dalam keadaan ini, semua bahagian anggota badannya dihukumkan najis kecuali kulitnya yang telah disamak.*

*Produk bone china ini dihasilkan dari berbagai-bagai negara dengan jenama yang berbagai-bagai. Bone china mengandungi 50% abu tulang binatang. Jika kita yakin binatang tersebut suci, maka harus hukum penggunaannya. Jika sebaliknya, maka tidak harus penggunaannya.*

*Jika timbul keraguan atau kesamaran pada abu tulang binatang tersebut sehingga menimbulkan was-was, maka juga dielakkan pemakaian bone china ini kerana menjauhi perkara syubhah adalah merupakan suatu kewajipan untuk memelihara agama dan diri dari termasuk ke dalam perkara-perkara yang ditegah dan memudharatkan.”<sup>77</sup>*

---

<sup>76</sup> Muḥy al-Dīn Ibn `Arabī (1961), *Laṭā'if al-Asrār: aw Tanzil al-Malāk Min `Ālam al-Arwāḥ Ilā `Ālam al-Aflāk*. (T.P): Dār al-Fikr al-`Arabī, h. 63.

<sup>77</sup> Fatwa Mufti Kerajaan Brunei Darussalam (2006) “Penggunaan Pinggan-Mangkuk *Bone china*” (Siri Fatwa [ 07/2006 ]). Email pada 20 Disember 2010.

Analisis yang dijalankan oleh pihak Jabatan Mufti Kerajaan Negara Brunei merumuskan penggunaan pinggan mangkuk *bone china* yang diperbuat daripada tulang yang suci adalah harus. Tulang yang suci tidak akan diperolehi kecuali dengan sembelihan yang menepati syarak dan diambil daripada haiwan yang halal dimakan. Sekiranya tulang yang tidak suci seperti tulang bangkai haiwan diadun membentuk pinggan mangkuk *bone china*, maka hukum menggunakannya adalah tidak harus.<sup>78</sup> Justeru, masyarakat Islam hendaklah menjauhi dan berwaspada dengan barangan yang diragui dan bercampur antara perkara halal dan perkara haram kerana ditakuti produk *bone china* lebih cenderung kepada hukum haram. Kaedah fiqh yang sesuai digunakan dalam kes ini adalah 'إتقاء الشبهات خشية الوقوع في الحرام' yang bermaksud hendaklah menjauhi perkara-perkara syubhah ditakuti lebih cenderung kepada hukum haram. Selain itu, kaedah fiqh juga menyebutkan 'إذا اجتمع الحلال والحرام غلب الحرام' yang bermaksud apabila berhimpun antara unsur halal dan unsur haram (dalam sesuatu perkara), maka hendaklah diutamakan unsur yang haram.<sup>79</sup>

Walau bagaimanapun, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) menegaskan hukum penggunaan *bone china* di dalam pernyataan aduan umum seperti berikut:<sup>80</sup>

*Sememangnya alatan bone china adalah diragui sumbernya. Pengguna tidak dimaklumkan sumber pembuatannya samada dari sumber yang halal atau tidak. JAKIM menasihati pengguna mengelakkan alatan sedemikian sekiranya timbul rasa syak. JAKIM mengambil kira keseluruhan aspek seperti bahan ramuan, kebersihan, pekerja, proses dan alatan yang digunakan sebelum memberi pengesahan halal.*

---

<sup>78</sup> *Ibid.* Sepertimana Rujukan Lampiran Fatwa Di Bahagian Lampiran.

<sup>79</sup> Jalāl al-Dīn `Abd al-Raḥmān al-Suyūṭī (t.t), *op.cit*, h. 110.

<sup>80</sup> Portal Rasmi Halal Malaysia, [http://www.halal.gov.my/v2/index.php?ty=aduan/aduan\\_siar](http://www.halal.gov.my/v2/index.php?ty=aduan/aduan_siar), 6 Jun 2010. Sepertimana Rujukan Lampiran Fatwa Di Bahagian Lampiran.

Demikian juga, Jabatan Mufti Selangor Darul Ehsan menjelaskan hukum penggunaan *bone china* menerusi laman web soal jawab agama dengan menegaskan:<sup>81</sup>

*Menggunakan serbuk tulang babi untuk membuat pinggan adalah najis Mughallazah. Haram digunakan pinggan tersebut. Begitu juga tulang binatang lembu, kambing atau binatang halal yang tidak disembelih. Hukumnya najis sama seperti bangkai, kecuali bulu binatang halal yang diambil masa binatang itu masih hidup adalah suci dan boleh dimanfaatkan seperti membuat pakaian.*

Jabatan Mufti Negeri Selangor telah memutuskan di dalam Minit Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor kali ke-4/2009 pada 13 Oktober 2009 bahawa;<sup>82</sup>

*Bone china adalah najis kerana zatnya mengandungi 50% daripada tulang babi atau binatang lain yang tidak disembelih menurut syarak.*

Analisis fatwa Jabatan Mufti Selangor, Nurhelmi Hj. Ikhsan menjelaskan *qawl mu'tamad* dalam mazhab Syafii hendaklah diikuti sepertimana yang terkandung dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003. Enakmen tersebut adalah seperti berikut:

- i. Dalam mengeluarkan apa-apa fatwa di bawah seksyen 48 atau memperakukan apa-apa pendapat di bawah seksyen 53 Jawatankuasa Fatwa hendaklah pada lazimnya mengikut *qawl mu'tamad* (pendapat-pendapat yang diterima) Mazhab Syafii.
- ii. Jika Jawatankuasa Fatwa berpendapat bahawa dengan mengikut *qawl mu'tamad* mazhab Syafii suatu keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam akan terhasil, Jawatankuasa Fatwa boleh mengikut *qawl mu'tamad* mazhab Hanafi, Maliki atau Hanbali.

---

<sup>81</sup>Majlis Ugama Islam Singapura, [http://www.muis.gov.sg/cms/oomweb/oom\\_faq.aspx?id=14822](http://www.muis.gov.sg/cms/oomweb/oom_faq.aspx?id=14822), 18 Oktober 2010. Sepertimana Rujukan Lampiran Fatwa Di Bahagian Lampiran.

<sup>82</sup> Jabatan Agama Islam Selangor (2009) "Minit Mesyuarat Yang Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor Kali 4/2009" (13 Oktober 2009). Sepertimana Rujukan Lampiran Fatwa Di Bahagian Lampiran.

- iii. Jika Jawatankuasa Fatwa berpendapat bahawa tiada satu pun *qawl mu`tamad* daripada empat mazhab itu boleh diikuti tanpa membawa kepada keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam, Jawatankuasa Fatwa boleh membuat fatwa itu mengikut ijtihad tanpa terikat dengan *qawl mu`tamad* daripada mana-mana mazhab yang empat itu.<sup>83</sup>

Oleh yang demikian, fatwa yang diwartakan oleh JAIS berkenaan hukum penggunaan *bone china* merujuk kepada pandangan muktamad mazhab Syafii. Hal ini menunjukkan bahawa penggunaan *bone china* bukanlah suatu keperluan dalam kalangan masyarakat awam memandangkan hanya golongan kaya yang mampu memilikinya.<sup>84</sup> Begitu juga, pandangan yang diberikan oleh Prof. Madya Datin Dr. Paizah Ismail menyatakan *bone china* tidak mencapai tahap keperluan (*darūrah*) kepada masyarakat untuk memiliki dan menggunakannya. Bahkan, `urf masyarakat Malaysia umumnya sangat sensitif terhadap produk-produk yang berasaskan babi dalam barangan kegunaan harian.<sup>85</sup>

Pandangan daripada Prof. Madya Datin Dr. Paizah Ismail dipersetujui oleh Dr. Che Wan Jasimah Mohd. Radzi. Beliau menyatakan zat babi yang terdapat di dalam *bone china* masih kekal dan tidak akan terurai melalui proses pembakaran. Hal ini kerana, kualiti produk *bone china* bergantung kepada penggunaan tulang haiwan. Sekiranya abu tulang tersebut diganti dengan abu tulang pokok, maka *bone china* yang

---

<sup>83</sup> Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 2003 (No. 15/2003).

<sup>84</sup> Nurhelmi Haji Ikhsan, *op.cit.*.

<sup>85</sup> Prof. Madya Datin Dr. Paizah Ismail, *op.cit.*.



terhasil adalah kurang berkualiti sepertimana *bone china* yang mengandungi campuran tulang haiwan.<sup>86</sup>

Berkenaan isu ini, pada 29 Februari 2008, Halal Monitoring Committee (HMC) di United Kingdom telah mengeluarkan sijil halal kepada syarikat Istipitar Sdn. Bhd. seperti berikut:<sup>87</sup>

*As a result of thought and accurate analysis on Ansley's Bone China products by Halal Monitoring Committee (HMC), they conclude that: "The final result of our analysis regarding the brand's raw materials for bone china productions provides a high level of assurance that they do not contain any non-halal animal elements or residue, assuring that the bone ash used is 100 percent bovine". This halal certification on 29 February 2008".*

*Hasil daripada analisis terhadap produk Ansley's Bone China yang dilakukan oleh Jawatankuasa Pemantauan Halal (HMC), mereka menyimpulkan bahawa: "Keputusan akhir analisis yang dilakukan terhadap bahan-bahan mentah yang digunakan dalam produk bone china tidak mengandungi unsur-unsur haiwan yang tidak halal, bahkan menggunakan 100% daripada abu tulang lembu". "Sijil halal ini dikeluarkan pada 29 Februari 2008".*

Berdasarkan fatwa yang dikeluarkan oleh HMC, Zainal Hisyam Yusuf merupakan Ketua Eksekutif di Istipitar Sdn. Bhd. menegaskan bahawa produk *bone china* yang dijual adalah halal dan boleh digunakan oleh orang Islam tanpa sebarang keraguan. Selain itu, pihak HMC telah menganalisis bahawa pembuatan jenama *Ansley's Bone China* tidak dimasukkan bahan haram, bahkan hanya menggunakan tulang lembu sepenuhnya. Oleh itu, penggunaan pinggan mangkuk *Ansley's Bone China* adalah harus bersandarkan kepada sijil halal yang dikeluarkan di United Kingdom.

---

<sup>86</sup> Dr. Che Wan Jasimah Mohd. Radzi, Pensyarah Kanan Jabatan Sains dan Teknologi, Fakulti Sains, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Temubual pada 25 Februari 2011.

<sup>87</sup> (t.n) (2009), "Europe *Bone china* Ware Is Not Halal", (The Halal Journal), h. 40. Sepertimana Rujukan Lampiran Fatwa Di Bahagian Lampiran.

Fatwa daripada Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor pada 20 Rabiul Akhir 1431 bersamaan 5 April 2010 yang bertajuk Fatwa Berkaitan Pinggan Mangkuk Berasaskan Serbuk Tulang (*Bone Ash*). Keputusan fatwa tersebut adalah seperti berikut:<sup>88</sup>

*" Penggunaan perkakas pinggan mangkuk berasaskan serbuk tulang haiwan (bone ash) yang diperbuat daripada serbuk tulang babi adalah tidak harus mengikut hukum syara' dan wajib ditinggalkan penggunaannya. Penggunaan perkakas pinggan mangkuk berasaskan serbuk tulang haiwan (bone ash) yang tidak halal dimakan selain daripada babi juga tidak harus digunakan.*

*Penggunaan perkakas pinggan mangkuk berasaskan serbuk tulang haiwan (bone ash) yang halal dimakan tetapi tidak disembelih juga tidak harus digunakan.*

*Manakala perkakas pinggan mangkuk berasaskan serbuk tulang haiwan (bone ash) yang diperbuat daripada serbuk tulang haiwan yang halal dimakan yang telah disembelih adalah harus digunakan mengikut hukum syara'.*

Berdasarkan fatwa yang di atas, Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor masih belum melakukan kajian secara saintifik terhadap bahan kandungan yang digunakan dalam *bone china*. Tetapi, umat Islam dinasihatkan supaya tidak menggunakan pinggan mangkuk yang diperbuat daripada tulang untuk mengelakkan sebarang keraguan. Hal ini berdasarkan hadis Rasulullah SAW :

*Tinggalkanlah apa yang meragukan kamu kepada apa yang tidak meragukan.*

(Riwayat al-Tirmidhi dan al-Nasai)

Larangan penggunaan pinggan mangkuk yang dinyatakan di atas berasaskan konsep *iḥṭiyāt* (berhati-hati) demi menjamin kesucian melaksanakan ibadah dalam kehidupan. Oleh itu, penggunaan *bone china* tidak diharuskan oleh syarak dan perlu

---

<sup>88</sup> Portal Rasmi Halal Malaysia, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/fatwa-berkaitan-pinggan-mangkuk-berasaskan-serbuk-tulang-bone-ash>, 3 March 2011. Sepertimana Rujukan Lampiran Fatwa Di Bahagian Lampiran.

mengambil sifat berhati-hati dalam menggunakan produk *bone china* yang masih meragukan tentang sumber kandungannya.

Berdasarkan analisis- analisis fatwa di atas, penulis dapat merumuskan dua kesimpulan secara khusus. Dalam konteks Malaysia, hukum penggunaan *bone china* diharamkan berasaskan keterikatan mazhab Syafii yang masih kuat di Malaysia. Selaras dengan fatwa yang dikeluarkan, sensitiviti masyarakat Islam terhadap isu babi sangat mempengaruhi dalam konteks `urf Melayu. Keraguan masyarakat Melayu terhadap pembuatan *bone china* secara tidak langsung mempengaruhi aspek penggunaan, penjualan dan pembelian *bone china*. Justeru itu, umat Islam digalakkan menjauhi sesuatu perkara yang syubhah dan diragui sumber perbuatannya.

Manakala, dalam konteks negara luar seperti United Kingdom dan Singapura, mereka mengharuskan penggunaan *bone china* dalam masyarakat Islam. Hal ini menunjukkan bahawa umat Islam boleh memiliki dan menggunakan pinggan mangkuk jenama *bone china* tanpa sebarang keraguan. Hal ini disebabkan perbezaan pengamalan budaya mazhab dan ia mempengaruhi dalam penentuan hukum Islam. Dalam kaedah fiqh, para fuqaha menyatakan sesuatu hukum akan berubah seiring dengan perubahan masa dan sesuai dengan realiti semasa masyarakat iaitu 'لا يترك تغير الأحكام بتغير الأزمان' yang bermaksud hukum tidak boleh dinafikan apabila berlakunya perubahan masa dan tempat. Oleh yang demikian, hukum yang dikeluarkan oleh mujtahid hendaklah seiring dengan masa dan realiti setempat sesebuah masyarakat.<sup>89</sup>

---

<sup>89</sup> Shaykh Ahmad b. Shaykh Muhammad al-Zarqā' (2006), *Sharḥ al-Qawā'id al-Fiqhiyyah*. c.6. Damsyiq: Dār al-Qalam, h. 227.

Isu *bone china* tidak terhad kepada keraguan proses penyediaan bahan *bone china*. Bahkan *bone china* turut menimbulkan isu sampingan terhadap penggunaannya sebagai perhiasan. Kebiasaannya, *bone china* dijadikan perhiasan di dalam almari-almari kaca sebagai simbolik kekayaan pemiliknya memandangkan harga pembeliannya adalah mahal. Bahkan, permukaan pinggan mangkuk jenama *bone china* turut dihiasi dengan saduran emas dan platinum bagi menonjolkan kemewahan penggunaan produk ini. Resolusinya, isu-isu ini akan dikupas mengikut aturan hukum Islam.

#### **4.5 Analisis Hukum Perhiasan *Bone China***

*Bone china* amat digemari oleh penggemar-penggemar ‘gaya desa’ Inggeris. Sejarah, kualiti, keunikan buatan tangan, corak klasik dan kontemporari menjadi penyebab utama *bone china* menjadi rebutan di kalangan para pembeli pinggan mangkuk moden. *Bone china* bukan hanya terkenal dengan corak yang menarik, malah *bone china* mempunyai kualiti yang tinggi dan terbaik. Produk *fine bone china* menyerlahkan meja makan agar lebih elegan, mewah dan kontemporari.<sup>90</sup>

Islam membenarkan manusia menghiasi dan menyerlahkan kediaman dengan pelbagai perhiasan rumah untuk menambahkan keselesaan, ketenangan dan kedamaian kepada pemiliknya. Tingkatan pertama (*al-darūriyyah*), Islam mengharuskan pengambilan makanan, minuman dan tempat tinggal (rumah/kediaman).<sup>91</sup> Perkara ini tidak bertentangan dengan firman Allah SWT di dalam surah an-Naḥl sepertimana berikut:

---

<sup>90</sup> Utusan Malaysia, April 28, 2008:1 “Mewah Di Meja Makan”.

<sup>91</sup> Naẓīr Zarāwaq (2009), *Maqāṣid al-Sharīʿah al-Islāmiyyah fī Fikr al-Imān Sayyid al-Quṭb*. al-Qāhirah. Dār al-Salām, h. 380.

وَاللَّهُ جَعَلَ لَكُمْ مِنْ بُيُوتِكُمْ سَكَنًا

Maksudnya: *Dan Allah SWT menjadikan bagi kamu rumah-rumah (yang kamu dirikan itu) tempat tinggal.*

Surah al-Nahl (16): 80

Al-Qurtubī mengatakan Allah SWT menciptakan bumi untuk manusia mendiaminya. Selain itu, Dia menciptakan bumi agar manusia dapat menikmati keselesaan berada di kediaman dalam keadaan kedamaian dan ketenangan.<sup>92</sup> Hal ini menunjukkan bahawa setiap muslim tidak ditegah untuk menghiasi kediaman mereka dengan ukiran bunga-bunga, perhiasan yang mahal, perabot-perabot mahal serta gubahan hiasan dalaman dengan reka bentuk yang klasik.<sup>93</sup>

Perhiasan produk *bone china* tidak terhad kepada set hidangan seperti pinggan, mangkuk, set minuman seperti cawan, piring, jag dan lain-lain. Bahkan *bone china* juga termasuk produk-produk perhiasan seperti patung, pasu, arca dan sebagainya. Warna putih *bone china* membolehkan ia diwarnakan untuk mendapatkan hasil produk yang menarik. *Bone china* juga menghasilkan pelbagai jenis lampu seperti lampu dinding, lampu meja dan lampu gantung. Sifat *bone china* yang lutsinar dan kuat membolehkan *bone china* digunakan untuk menghasilkan produk lampu yang tahan lasak.<sup>94</sup> Sepertimana firman Allah SWT di dalam surah al-A'rāf iaitu:

<sup>92</sup> Abū `Abd Allāh Muḥammad Ibn Aḥmad al-Anṣārī al-Qurtubī (1993), *al-Jamī` li al-Ahkām al-Qurān*. j.3, c.5-6. Lubnān: Dār al-Kutub al-`Ilmiyyah, h. 159.

<sup>93</sup> Yusuf al-Qaradawī (2007), *op. cit*, h. 130-131

<sup>94</sup> Zainal bin Zakaria *et. al* (t.t), *op.cit*, h. 5.

قُلْ مَنْ حَرَّمَ زِينَةَ اللَّهِ الَّتِي أَخْرَجَ لِعِبَادِهِ ۖ وَالطَّيِّبَاتِ مِنَ الرِّزْقِ ۗ

Maksudnya: *Katakanlah (wahai Muhammad): “Siapakah yang (berani) mengharamkan perhiasan Allah SWT yang telah dikeluarkannya untuk hamba-hambanya, dan (demikian juga) benda-benda yang baik lagi halal dari rezeki yang dikurniakannya”* .

Surah al-A’rāf (7): 32

Tafsiran Ibn Kathīr terhadap ayat di atas adalah Allah SWT menegah ke atas sesiapa yang mengharamkan sesuatu perkara yang diharuskan oleh syarak. *Bone china* meliputi makanan, minuman, pakaian dan sebagainya.<sup>95</sup> Namun demikian, Islam tidak suka kepada unsur berlebih-lebihan dan kemewahan dalam kediaman orang Islam. Hal ini kerana, sifat berlebih-lebihan dan kemewahan akan mengundang kepada riyak dan sombong dalam jiwa manusia.<sup>96</sup> Sedangkan, perkara ini amat dicela oleh al-Quran dan tidak disukai oleh Allah SWT, firman Allah SWT seperti berikut:

يَبْنِي ۖ آدَمَ خُذُوا زِينَتَكُمْ عِنْدَ كُلِّ مَسْجِدٍ وَكُلُوا وَاشْرَبُوا وَلَا تُسْرِفُوا ۚ إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الْمُسْرِفِينَ ﴿٣١﴾

Maksudnya: *Wahai anak-anak Adam! Pakailah pakaian kamu yang indah berhias pada tiap-tiap kali kamu ke tempat ibadah (atau mengerjakan sembahyang), dan makanlah serta minumlah, dan jangan pula kamu melampau-lampau; Sesungguhnya Allah SWT tidak suka akan orang-orang yang melampaui batas.*

Surah al-A’rāf (7): 31

Menurut tafsiran Ibn Kathīr pula, Islam tidak membenarkan sifat yang berlebih-lebihan atau melampaui batas. Ibn Juraiḥ menegah sifat melampaui batas atau berlebih-

<sup>95</sup> Imān al-Dīn Abī al-Fidā’ Ismā’īl b. `Umar b. Kathīr (2004), *Tafsīr al-Qurān al-Azīm Tafsīr Ibn Kathīr*. j. 2, Riyādh: Dār al-Salām, h. 1109.

<sup>96</sup> Yusuf Al-Qaradhawi (2007), *op. cit.*, h. 130-131.

lebih dalam sesuatu perkara. Pandangan ini dipersetujui oleh Iyās Ibn Muā`wiyah, beliau menyifatkan (الإسراف) sebagai sifat manusia yang melampaui batas terhadap perintah Allah SWT.<sup>97</sup> Berdasarkan tafsiran di atas, Islam menggalakkan manusia memperhiaskan diri dan kediaman dengan segala perhiasan yang diberikan oleh Allah SWT. *Bone china* termasuk aspek adat di dalam tingkatan ketiga teori *maqāṣid al-syarīʿah* iaitu tingkatan *al-taḥsiniyyah*.<sup>98</sup> Pandangan ini disokong Prof. Madya Datin Dr. Paizah Ismail, beliau mengatakan penggunaan *bone china* termasuk di dalam penggunaan perhiasan yang berlebih-lebihan sehingga mengundang rasa sombong kepada penggunanya.<sup>99</sup> Justeru itu, Islam mendidik diri manusia agar tidak bersikap berlebih-lebihan (الإسراف) atau melampaui batasan syariat. Hal ini kerana, sifat berlebih-lebihan dan melampaui batas adalah sesuatu yang ditegah dalam Islam.<sup>100</sup>

Demikian juga, dipermukaan pinggan mangkuk jenama *bone china* kebiasaannya diukir dengan pelbagai corak dan motif yang menarik termasuk menggunakan saduran emas dan platinum bagi mengindahkan keunikan *bone china*. Penggunaan saduran emas dan platinum akan meningkatkan harga setiap set jenama *bone china*. Dalam perspektif hukum Islam, fuqaha membahaskan berkenaan isu ini.

---

<sup>97</sup> Ibn Kathir, (2004), *op. cit.*, h. 1071.

<sup>98</sup> Adnān Muḥammad Jum'at (1993), *Raf'u al-Ḥaraj fī Sharīʿah al-Islāmiyyah*. c.3. Dimashq: Dār al-`Ulūm Insāniyyah, h.15.

<sup>99</sup> Prof. Madya Datin Dr. Paizah Ismail, *op.cit.*.

<sup>100</sup> Ibn Kathir, (2004), *op. cit.*, h. 1071.

#### 4.6 Analisis Hukum Penyaduran Emas *Bone China*

Keraguan pengguna-pengguna Islam terhadap penggunaan *bone china* semakin memuncak apabila Norhana Yusof (pengarah Istipintar Sdn. Bhd.) menjelaskan: “Koleksi *acid etch* ini di namakan *fine dining* yang sesuai untuk acara formal. Penggunaan emas 24 karat dan platinum yang berkualiti dalam pembuatannya adalah ciri mewah yang terdapat pada produk ini. Harganya boleh mencecah hingga RM2,800 untuk satu pinggan nasi”.<sup>101</sup> Ketua Eksekutif Istipintar Sdn. Bhd., Zainal Hisyam Yusuf turut menyatakan: “*Bone china* is usually decorated with gold and platinum and usually used a high-end dining ware, giftware and collectibles.” (*Bone china* biasanya dihiasi dengan emas dan platinum yang biasanya digunakan sebagai alatan pinggan mangkuk, hadiah dan koleksi).<sup>102</sup>

Dalam perbincangan penyaduran emas dan perak dari perspektif hukum Islam, Ibn Qudāmah menyatakan:<sup>103</sup>

*“Penyaduran emas dan perak dalam kuantiti yang banyak diharamkan dalam semua keadaan sama ada saduran tersebut digunakan sebagai keperluan ataupun kehendak manusia.”*

Berdasarkan pandangan Ibn Qudāmah di atas, beliau mengharamkan penggunaan saduran emas dalam kuantiti yang banyak kerana penggunaannya mengundang sifat kemegahan dan kemewahan. Tetapi, terdapat berbezaan terhadap saduran perak kerana penyaduran perak diharuskan dengan tujuan mempermudah kehidupan manusia. Selain itu, penggunaannya juga tidak menonjolkan unsur-unsur

---

<sup>101</sup> Utusan Malaysia, April 28, 2008:1 “Mewah Di Meja Makan”.

<sup>102</sup> (t.n) (2009), *op.cit*, h. 40.

<sup>103</sup> al-Maqdisi (1992), *op.cit*, h. 104.



kemegahan dan kemewahan.<sup>104</sup> Pandangan ini bersesuaian dengan pandangan Abū Syujā' di dalam kitabnya *al-Iqnā' fī al-Ḥill Alfāz Abī Syujā'*:<sup>105</sup>

*“Saduran perak yang digunakan pada permukaan pinggan atau mangkuk dalam kuantiti yang menyeluruh (kullu), sebahagian atau sedikit untuk tujuan perhiasan, maka haram mengambil dan menggunakannya. Walaupun begitu, penggunaannya yang sedikit dalam kadar keperluan maka penggunaannya tidak diharamkan serta tidak ditegah.”*

Manakala, Imām al-Nawāwī pula menegaskan di dalam kitabnya *al-Majmū' Sharḥ al-Muhadhdhab*:<sup>106</sup>

*“Saduran emas dan perak diharamkan penggunaannya sama ada dalam kuantiti yang banyak atau sedikit.”*

Berdasarkan penjelasan Imām al-Nawāwī tersebut, beliau mengharamkan penggunaan saduran emas dan perak. Demikian juga pandangan Ibn Taymiyyah, saduran emas termasuk perkara yang ditegah sama ada penggunaannya banyak atau sedikit.<sup>107</sup> Demikian juga, menurut Shams al-Dīn b. al-`Abbās:<sup>108</sup>

*Saduran bejana yang menggunakan saduran emas dan perak bertujuan untuk perhiasan, maka ia diharamkan.*

Walau bagaimanapun, al-Shīrāzī tidak menegah penggunaan saduran perak dalam kuantiti yang sedikit kerana keperluan manusia. Tetapi, penggunaan saduran perak yang berlebihan sama ada untuk keperluan atau tujuan perhiasan, hukumnya

---

<sup>104</sup> *Ibid.* Lihat juga, al-Shaybānī (2005), *op.ci*, h. 24.

<sup>105</sup> Shams al-Dīn Muḥammad Ibn Aḥmad al-Khāṭib al-Sharbīnī (1996), *al-Iqnā' fī al-Ḥill Alfāz Abī Shujā'*, j. 1, Dimashq: Dār al-Khair, h. 36.

<sup>106</sup> Abu Zakariyya Muhy al-Din Ibn Sharaf al-Nawawi, (t.t), *al-Majmu' Sharḥ al-Muhadhdhab*. al-Qahirah: Matba'ah al-`Asimahh. 315.

<sup>107</sup> Taqī al-Dīn Ibn Taymiyyah (1987), *Aḥkām al-Ṭahārah*. Beirūt: Dār al-Kutub al-`Ilmiyyah, h. 288.

<sup>108</sup> Ibn Shihāb al-Dīn (1967), *op.cit*, h. 105.

adalah ditegah oleh syarak.<sup>109</sup> Hal ini berbeza dengan pandangan Ibn Ḥazm dalam kitabnya *al-Muḥallā*.<sup>110</sup>

“Penggunaan saduran emas adalah halal bagi wanita, terkecuali golongan lelaki.”

Pandangan di atas jelas menunjukkan bahawa Ibn Hazm mengharuskan penggunaan saduran emas khusus kepada wanita semata-mata. Manakala, saduran emas ke atas lelaki diharamkan penggunaannya. Justeru itu, penulis dapat menyimpulkan bahawa ulama berbeza pandangan dalam aspek penggunaan saduran emas dan perak, pandangan ulama yang ketat mengharamkan penggunaan saduran emas dan perak ke atas permukaan pinggan mangkuk jenama *bone china* kerana ia mengundang kepada perbuatan berlebih-lebihan (*al-isrāf*) dan riyak. Manakala, pandangan ulama yang mengharuskan penggunaan saduran emas dan perak ke atas permukaan pinggan mangkuk jenama *bone china* berasaskan kepada hukum asal perhiasan emas adalah diharuskan dalam kalangan wanita.<sup>111</sup> Namun begitu, sesetengah ulama fiqh juga berpendapat bahawa saduran emas diharuskan penggunaannya dalam kuantiti yang dibenarkan berdasarkan keperluan (*ḍarūrah*).

Berdasarkan realiti di atas, dalam isu penyaduran emas dan platinum pada permukaan *bone china*, beberapa kaedah fiqh sesuai digunakan antaranya adalah ‘إذا اجتمع الحلال والحرام غلب الحرام’ yang bermaksud apabila bertembung unsur halal dan haram

---

<sup>109</sup> Abū Ishāq al-Shirāzī Ibrāhīm Ibn `Alī (1992), *Kitāb al-Tanbīh fī al-Fiqh al-Shāfi`ī*. Beirūt: Dār al-Fikr, h. 14.

<sup>110</sup> Abū Muḥammad `Alī Ibn Aḥmad Ibn Sa`īd Ibn Ḥazm (1988), *al-Muḥalla bi al-Āthār*. j.1, Beirūt: Dār al-Kutub al-`Ilmiyyah, h. 123.

<sup>111</sup> al-Dibyān (2005), *op. cit*, h. 474-475.

(dalam sesuatu perkara) maka hendaklah diutamakan unsur yang haram.<sup>112</sup> Hal ini kerana, 'إتقاء الشبهات خشية الوقوع في الحرام' yang bermaksud menjauhi pengambilan terhadap sesuatu hukum yang tidak dapat dipastikan kerana ditakuti menghampiri kepada sesuatu yang haram. Hal ini jelas menunjukkan bahawa pendekatan *iḥtiyāt* dengan cara menegah diri daripada menggunakan barangan meja jenama *bone china* dan perkara-perkara lain yang syubhah serta diragui sumbernya merupakan perkara yang dituntut oleh syarak.

#### 4.4 Penutup


Konklusinya, berdasarkan analisis hukum penggunaan *bone china* yang telah dikaji penulis dapat merumuskan dua kesimpulan yang utama dalam meraikan pandangan-pandangan para fuqaha dalam menyelesaikan isu ini.

Pertama, isu penggunaan *bone china* yang berasaskan campuran tulang haiwan haram (babi). *Bone china* yang berkualiti akan melalui proses pengkalsinan dan tiga kali proses pembakaran yang sempurna. Analisis secara makmal telah dilakukan oleh pihak JAIS membuktikan *bone china* yang dihasilkan dengan campuran tulang babi telah melalui proses *istiḥālah* mengikut pandangan mazhab Hanafi dan mazhab Maliki.<sup>113</sup> Gambar rajah di bawah menunjukkan tulang babi yang telah melalui proses pengkalsinan yang dibakar pada suhu 1000 °C:


---

<sup>112</sup> al-Suyūṭī (t.t), *op. cit.*, h. 110.


<sup>113</sup> Nurhelmi Haji Ikhsan, *op.cit.*,



Gambar rajah di bawah pula menunjukkan abu tulang babi yang telah diadun kering bersama *kaolin* dan *feldspar*, juga dikenali jasad *bone china*. Ketiga-tiga bahan asas jasad *bone china* ini masih boleh dikenalpasti berdasarkan Analisa Struktur mikro Bahan (*HITACHI S-2500 Scanning Electro Microscope*):



Gambar rajah di bawah menunjukkan struktur mikro jasad *bone china* yang telah dibakar pada suhu 1270 °C:




Ketiga-tiga bahan asas jasad *bone china* menunjukkan struktur yang hampir sama. Hal ini membuktikan struktur ketiga-tiga bahan ini tidak dapat dibezakan dan

diasingkan.<sup>114</sup> Kesemua bahan ini telah bertukar menjadi jasad anortit dan menyebabkan jasad *bone china* sangat sukar untuk dibezakan.<sup>115</sup> Berdasarkan hakikat ini, jasad *bone china* yang terhasil adalah jirim tulang yang telah berubah menjadi unsur karbon oksida dan kalsium fosfat.<sup>116</sup>

Justeru, konsep *istiḥālah* boleh diaplikasikan terhadap *bone china* yang dicampurkan tulang babi berdasarkan pandangan mazhab Hanafi<sup>117</sup> dan mazhab Maliki.<sup>118</sup> Kedua-dua pandangan ini memperluaskan pemakaian teori *istiḥālah* dalam Islam, perubahan *istiḥālah* yang berlaku adalah perubahan secara keseluruhan (*kullī*) atau perubahan secara sebahagian (*juz'ī*).<sup>119</sup>

Isu kedua membahaskan *bone china* yang berasaskan campuran tulang haiwan halal (lembu) yang diragui status sembelihannya. Berdasarkan analisis yang telah dilakukan oleh pihak JAIS adalah seperti gambar rajah yang menunjukkan tulang lembu yang telah melalui proses pengkalsinan yang dibakar pada suhu 1000 °C :



---

<sup>114</sup> Zainal bin Zakaria *et. al* (t.t), *op.cit*, h. 31-32.

<sup>115</sup> *Ibid.*, h. 58.


<sup>116</sup> *Ibid.*, h. 32.

<sup>117</sup> Ibn Qūdir (t.t), *op. cit*, h. 108.


<sup>118</sup> Ibn Ḥazm (1988), *op.cit*, h. 133.

<sup>119</sup> Muḥammad Amin al-Shahīr Ibn `Abidīn (1966), *op.cit*, h. 326-329.

Gambar rajah di bawah ini pula menunjukkan analisis terhadap tulang lembu yang telah dicampurkan dengan *kaolin* dan *felspar*. Adunan ini dikenali sebagai jasad *bone china*:



Manakala, gambar rajah berikutnya menunjukkan jasad *bone china* yang mempunyai campuran tulang lembu setelah ia dibakar pada suhu 1270°C:



Hasilnya membuktikan bahawa proses *istiḥālah* telah berlaku ke atas jasad *bone china* yang mengandungi campuran tulang lembu mengikut pandangan mazhab Hanafi dan mazhab Maliki. Bahan akhir yang terbentuk adalah produk *bone china* yang tidak sama dengan bahan asal kerana abu tulang lembu telah bertukar menjadi unsur-unsur karbon seperti oksida dan kalsium fosfat.

Walau bagaimanapun, mazhab Shafii dan mazhab Hanbali tidak menerima teori *istiḥālah* sebagai salah satu instrumen penyucian Islam kecuali dalam tiga keadaan iaitu perubahan arak yang bertukar menjadi cuka secara semulajadi,<sup>120</sup> berlaku kehidupan yang baru seperti ulat yang hidup atau wujud dari bangkai<sup>121</sup> dan penyamakan kulit dalam Islam.<sup>122</sup> Hal ini ditegaskan oleh Ibn Ḥajar al-Haytamī bahawa tidak berlaku *istiḥālah* terhadap bangkai haiwan yang terjatuh ke dalam tempat garam lalu berubah menjadi garam atau bangkai haiwan yang dibakar sehingga bertukar menjadi abu kerana perubahan yang berlaku adalah perubahan fizikal semata-mata.<sup>123</sup> Oleh yang demikian, penggunaan *bone china* tidak diterima oleh kedua-dua mazhab ini.

*Bone china* termasuk di dalam kategori perhiasan *al-taḥṣīmīyah*. Al-Shāṭibī mentakrifkan *al-taḥṣīmīyah* sebagai sesuatu yang memberikan kebaikan kepada adat manusia, menjauhkan diri daripada perkara-perkara yang bertentangan dengan pentafsiran akal yang *rājih* dan akhlak yang baik.<sup>124</sup> Namun, tanpa *al-taḥṣīmīyah* tidak mencacatkan kehidupan manusia.<sup>125</sup> *Bone china* merupakan alatan pinggan mangkuk yang mempunyai ketahanan fizikal dan dekorasi yang sangat menarik. Malah, *bone china* menjadikan meja makan kelihatan elegan dan mewah. Harga pembelian satu set *bone china* sangat mahal sehingga mencecah ribuan ringgit Malaysia. Justeru, *bone china* termasuk dalam kategori *taḥṣīmīyah* yang berlebih-lebihan.

---

<sup>120</sup> Ibn Qudāmah (1992), *op.cit.*, h. 517. Lihat juga, al-Sharbaynī (t.t), *op.cit.*, h. 77. Lihat juga, Ibn Ḥajar al-Haytamī (t.t), *op.cit.*, h. 304.

<sup>121</sup> Ibn Ḥajar al-Haytamī (t.t), *op.cit.*, h. 306. Pandangan lain menyatakan mazhab Syafii menerima *istiḥālah* yang berlaku terhadap darah kijang yang bertukar menjadi minyak wangi.

<sup>122</sup> *Ibid.*, h. 307.

<sup>123</sup> *Ibid.*, h. 303.

<sup>124</sup> Abū Ishāq al-Shāṭibī (1991), *al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Sharīah*. j.1-2, Beirūt: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah, h. 9.

<sup>125</sup> Hj. Mohd. Noor Idris (2000), “Keterikatan Maslahah Sebagai Sumber Hukum Dengan Kepentingan Semasa dan Setempat Di Malaysia”, Paizah Hj. Ismail dan Ridzwan Ahmad (eds.), *Fiqh Malaysia Ke Arah Pembinaan Fiqh Tempatan Yang Terkini*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, h. 135.

Tambahan itu, *bone china* mengandungi teknik pengukiran emas yang menggunakan asid dan sesuai digunakan dalam majlis-majlis rasmi.<sup>126</sup> Ibn Qudāmah, Abū Shujā' dan Imām al-Nawāwī sangat ketat dalam penggunaan saduran emas dan perak dengan mengharamkan penggunaannya kerana termasuk dalam perbuatan berlebih-lebihan (*al-isrāf*) dan riyak. *Bone china* masih belum mencapai tahap darurat untuk masyarakat Islam menggunakannya. Hal ini kerana, masih terdapat banyak pilihan kepada masyarakat Islam menggunakan peralatan pinggan mangkuk seperti *Clayton, Fine Cass, Dihomenti, Corelle, Zenzine Fine Dining* dan sebagainya yang terdapat di pasaran.

`*Urf amm* masyarakat Melayu sangat peka, sensitif dan berhati-hati dari aspek pembelian dan penggunaan barangan harian kerana dibimbangi berlaku percampuran antara bahan halal dan bahan haram.<sup>127</sup> Masyarakat Melayu menganggap semua *bone china* diperbuat daripada tulang babi dan mereka was-was dalam penggunaannya. Amalan *al-iḥtiyāt fī jalb al-maṣālih wa dar al-mafāsīd* merupakan alternatif terbaik bagi mengelakkan diri daripada terjerumus kepada perkara-perkara yang syubhah. *Al-iḥtiyāt* dalam aspek ini akan membentuk sikap warak iaitu menyelesaikan hukum yang berlaku dalam masalah *khilāfiyyah* dan menjauhkan diri daripada setiap perkara yang meragukan.<sup>128</sup> Kaedah fiqh menjelaskan, 'إذا تعارض حاطر ومبيح قدم الحاطر احتياط' yang bermaksud apabila berlaku bertentangan antara perkara yang ditegah dengan perkara

---

<sup>126</sup> Utusan Malaysia, April 28, 2008:1 "Mewah Di Meja Makan".

<sup>127</sup> Md. Saleh Haji Md. @ Haji Ahmad (2000), "'*Urf* dan Adat Semasa di Malaysia Sebagai Asas Penentuan Hukum Yang Tidak Dinaskan", Paizah Hj. Ismail dan Ridzwan Ahmad (eds.), *Fiqh Malaysia Ke Arah Pembinaan Fiqh Tempatan Yang Terkini*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, h. 106-107.

<sup>128</sup> Abū Muḥammad `Izz al-Dīn `Abd al-`Azīz Ibn `Abd al-Salām (1968), *Qawā'id al-Aḥkām fī Maṣālih al-Anām*. al-Qāhirah: Dār al-Shirk li Tibā`ah, h. 22.



yang ditegah hendaklah didahulukan perkara yang ditegah sebagai langkah berhati-hati.<sup>129</sup>

Prinsip meraikan pandangan-pandangan ulama pada asasnya adalah bersandarkan pencapaian masalah dan penolakan masfsadah terhadap manusia. Prinsip ini ditanggap sebagai sikap berhati-hati dalam Islam (*al-iḥtiyāṭ*). Pada asasnya pandangan yang muktamad daripada mazhab-mazhab lain tidak bermakna terkeluar daripada pemakaian mazhab Syafii secara total. Ini kerana sebahagian pandangan yang muktamad dalam mazhab lain merupakan pandangan yang lemah dalam mazhab Syafii. Begitu juga *rājih* atau *marjūh* bukannya bersifat statik bahkan boleh bertukar ganti mengikut perubahan zaman dan tempat. Hal ini jelas menunjukkan hukum hakam yang bersifat *ijtihādiyyah* akan berubah berdasarkan perubahan zaman dan tempat.<sup>130</sup> Dalam perbahasan isu ini, hukum yang dikeluarkan oleh bahagian fatwa kebangsaan atau negeri di Malaysia harus diikuti oleh masyarakat awam secara umumnya.

---

<sup>129</sup> Ibn Qayyim al-Jawziyyah (2006), *al-Qawā'id al-Fiqhiyyah*. Riyādh: Dār Ibn Qayyim, h. 400.

<sup>130</sup> Ridzwan Ahmad (2007), "Sikap Liberal Dalam Memahami Fiqh Mazhab Syafii: Realiti dan Fenomena di Malaysia", *Jurnal Fiqh*, Jil. 4 Bil. 6, 2007, h. 123.